Isi tempat kosong dengan kata majmuk mantap yang sesuai (buku teks ms 116)

Kata Majmuk Mantap

Identiti Kami

Ayah Norah kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Beliau bertugas memproses permohonan kad pengenalan atau MyKad. MyKad diperkenalkan sebagai kad pengenalan pintar pelbagai guna. MyKad dikeluarkan kepada warganegara yang telah mencapai umur 12 tahun. Kad ini amat berkualiti kerana dihasilkan mengikut piawaian antarabangsa.

Ayah Norah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baiknya. Para pelanggan berasa amat gembira. Mereka turut memberikan kerjasama yang baik kepada beliau.

Encik Gopal ialah pak cik Gauri. Beliau bertugas di Jabatan Pendaftaran Negara. Pada suatu hari, Gauri berbual-bual dengan pak ciknya tentang MyKid.

Gauri: Apakah MyKid, pak cik?

Encik Gopal: MyKid ialah kad pengenalan diri kanak-kanak _____ Malaysia. Kad ini dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Kad ini dihasilkan mengikut kualiti bertaraf _____.

Gauri: Bilakah MyKid boleh dimohon, pak cik?

Encik Gopal: MyKid boleh dimohon selepas ibu bapa mendapat sijil kelahiran anak mereka. _____ ini mesti dilaksanakan oleh ibu bapa. _____ JPN sedia memberikan bantuan. Mereka mengharapkan _____ yang baik daripada pemohon.

LIVEWORKSHEETS